

RM1.18 juta bantu kanak-kanak HIV/Aids

S 4 04/07/08 M/S 13

Untuk meringankan beban kewangan, seramai 330 kanak-kanak yang dijangkiti HIV dan Aids akan diberikan bantuan berupa makanan, pendidikan dan rawatan perubatan.

■ ASMALIZA MANSOR

JALAN RAJA CHULAN – Seramai 330 kanak-kanak penghidap HIV dan Aids di seluruh Malaysia akan menerima bantuan kewangan menerusi Program Pediatrik HIV/AIDS anjuran Standard Chartered Bank (StanChart).

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Julian Wynter berkata melalui program yang dijalankan dengan kerjasama Yayasan Aids Malaysia (MAF) itu, StanChart memperuntukkan sebanyak RM1.18 juta untuk membantu kanak-kanak yang menghidapi HIV dan AIDS di Malaysia.

Katanya, untuk meringankan beban kewangan, seramai 330 kanak-kanak yang dijangkiti HIV dan Aids akan diberikan bantuan berupa makanan, pendidikan dan rawatan perubatan.

“StanChart sememangnya prihatin terhadap mereka yang kurang bernasib baik dan kami amat mementingkan isu komuniti yang menghidapi HIV dan Aids serta sedia membantu meringan-



Julian (dua dari kiri) menyerahkan cek sumbangan kepada Pengerusi MAF, Profesor Dr Adeeba Kamarulzaman (tengah).

kan penderitaan yang ditanggung mereka ekoran penyakit itu.

“Melalui Program Pediatrik HIV/AIDS Standard Chartered ini, kanak-kanak yang menghidap atau dijangkiti HIV dan Aids akan menerima RM100 sebulan bermula pada bulan Julai 2008,” katanya pada Majlis Pelancaran Program Pediatrik HIV/AIDS Standard Chartered Bank yang diadakan di sini, Isnin lalu.

Julian berkata, kanak-kanak yang telah dikenal pasti oleh MAF adalah berusia antara satu hingga 13 tahun dan tinggal bersama saudara-mara ser-

ta penjaga. Mereka dipilih berdasarkan sokongan doktor dan badan-badan berkaitan yang lain.

Tambahnya, dana yang disalurkan melalui MAF akan dibahagikan dan MAF akan menjalankan audit dari masa ke semasa untuk memantau perkembangan program serta kanak-kanak terbabit.

Katanya, beliau berharap agar sumbangan itu akan memberikan harapan baru kepada kanak-kanak terbabit dan lebih banyak syarikat korporat akan tampil memberikan bantuan.